

Sejagat: Dibebaskan dar Ketagihan –
Kita berdoa agar mereka yang menderita
akibat ketagihan dapat dibantu dan
dipulihkan.

Covid-19, MPP KSFX lancar “Bantuan Prihatin”

KENINGAU: Pandemi Covid-19 telah menyebabkan kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan coronavirus. Bermula 18 Mac hingga 31 Mac, PKP dilanjutkan lagi hingga 14 April.

Ini menyebabkan ramai umat yang tidak dapat melakukan pekerjaan dan berhadapan dengan pengurangan gaji dan sebagainya. Prihatin dengan keadaan ini, Majlis Pastoral Paroki KSFX yang dipengerusikan oleh Sdri Nancy Nelly Joneh telah melancarkan "Bantuan KSFX Prihatin dari umat kepada umat." MPP KSFX menyeru mereka yang berkemampuan untuk membantu umat dalam Paroki KSFX yang terkesan ekoran PKP, khususnya yang tidak mempunyai pendapatan tetap misalnya golongan kurang upaya, warga emas atau yang mempunyai penyakit tertentu (terlantar).

Sumbangan dalam bentuk keperluan dapur atau wang tunai ini akan diagih-agihkan kepada golongan yang terjejas selepas tempoh PKP. Namun dalam hal-hal yang mendesak, Pengerusi Zon boleh mendapatkan bantuan tersebut untuk dihulurkan kepada mereka yang amat memerlukan. KOMSOS Keuskupan Keningau mengatakan, "Kita percaya

BANTUAN KSFX PERIHATIN "DARI UMAT KEPADA UMAT"

Salam damai Kristus!
Pihak MPP, Katedral St. Francis Xavier (KSFX) dalam MISI mengumpul sumbangan daripada Umat yang berkemampuan, untuk membantu mereka Paroki KSFX yang terkesan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Terutamanya yang tidak mempunyai pendapatan tetap, Oku, warga emas atau yang mempunyai penyakit tertentu (*terlantar*). Bantuan yang dipohon berupa keperluan dapur (*Makanan*) ataupun wang tunai untuk pembelian barangan.

Sekiranya anda terdorong untuk membantu sila hubungi urusetia MPP bagi temujanji penghantaran barangan ke Katedral:
1. Nancy Nelly, Peng. Mpp - 013-9811280
2. Fabian - 016-8392060
3. Jerry - 014-5618518
SUMBANGAN BERUPA WANG TUNAI KE AKAUN

CIMB BANK
No Acc : 800 555 0843
MAJLIS GEREJA ST. FRANCIS
Slip Bank In / Transfer sila whatsapp ke nombor tertera di atas.
"Dan janganlah kamu lupa berbuat baik dan memberi bantuan, sebab korban-korban yang demikianlah yang berkenan kepada Allah." Ibrani 13:16

bahawa pada saat ini ada keluarga yang benar-benar serba kekurangan dan memerlukan perhatian dan bantuan. Ayuh kita gerakkan jentera Kasih Kristus untuk membantu sesama pada masa Pra-Paskah ini.

Walaupun sekadar apa termampunya pasti sungguh membantu mereka yang benar-benar memerlukan. Semoga kasih Tuhan sentiasa hadir dan menopang kita semua. Puji Tuhan dan terima kasih."

Sebarang pertanyaan atau temujanji penghantaran ba-

rangan ke Katedral, diminta untuk menghubungi Nancy Nelly (013-9811280), Fabian (016-8392060) dan Jerry (014-5618518). Sumbangan berupa wang tunai boleh dimasukkan ke nombor akaun CIMB Bank (800 555 0843/MAJLIS GEREJA ST. FRANCIS).

"Dan janganlah kamu lupa berbuat baik dan memberi bantuan, sebab korban-korban yang demikianlah berkenan kepada Tuhan" (Ibrani 13:16).

Fr John Chia, 49 meninggal dunia di Bintulu

MIRI: Keuskupan Miri berduka-cita pada 31 Mac 2020, apabila salah seorang paderinya meninggal dunia. Rev. Fr John Chia (1971-2020) yang ditahbis pada 1 Mei 1997, merupakan Paderi Paroki Holy Cross, Sungai Asap, Belaga.

Menurut surat pastoral Bapa Uskup Miri, Richard Ng pada 31 Mac 2020, mendiang telah beberapa hari tidak sihat meskipun telah mendapat rawatan di klinik. Kemudian beliau dimasukkan ke hospital pada 29 Mac 2020 kerana kesukaran bernafas.

Doktor mengesahkan Fr Richard menghidap pneumonia dan dibantu dengan alat pernafasan. Namun, pada hari Selasa, Fr John menghembuskan nafas terakhir di Hospital Nyabau, Bintulu pada jam 10:07 pagi akibat kegagalan fungsi pelbagai organ dan pneumonia.

Fr John memasuki Seminari Keuskupan Miri pada tahun 1990 dan ditahbis sebagai Diakon pada 8 Dis di Bintulu. Ditahbis sebagai Paderi pada 1 Mei, 1997 di Limbang oleh Uskup Anthony Lee.

Beliau dikenali sebagai paderi yang memberi banyak inspirasi kepada para belia, selalu menggalakkan golongan muda untuk melayani dalam Gereja, amat minat dalam bidang muzik. Ramai umat yang mengenangnya sebagai paderi



yang murah dengan senyuman, mesra, mudah didekati dan sentiasa prihatin dengan keperluan umat.

Mendiang pernah melanjutkan pelajaran di Roma dalam bidang Liturgi di S. Anselmo Institute dan graduasi pada 2008.

Setelah kembali, beliau mengetuai Komisi Liturgi dan ditugaskan ke beberapa paroki: Paroki St Anthony, Bintulu dari 2008 ke 2012, St Edmund, Limbang dari 2013- 2016 dan Paroki Holy Cross Parish, Sg Asap, Belaga 2016 sehingga menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Fr John akan selalu dikenang oleh Bapa Uskup, para paderi dan seluruh umat yang mengenalinya. Semoga rohnya bersemadi dengan aman bersama Bapa di Syurga.

Salam takziah kepada ahli keluarga mendiang Fr John dan seluruh umat Keuskupan Miri.

Kemurahan hati umat mampukan penduduk kampung miliki patung besar Bonda Maria

MEMBAKUT: "Kesedaran umat terhadap keperluan gereja merupakan pendorong utama kepada sikap suka menderma," demikian kata Fr. Benedict Daulis Runsab ketika menyaksikan upacara penyerahan patung Bonda Maria oleh Pengerusi KUK Gereja St. Mary Paung, Julius Maran mewakili keluarga Jamiul Santi yang bekerja di Wilayah Persekutuan Labuan untuk menyampaikan patung tersebut kepada Katekis Roger Polmin mewakili KUK gereja St. Veronica Tiong Baru pada 12 Mac, di bilik mesyuarat MPP Gereja St. Patrick Membakut.

Katekis Roger Polmin berkata, KUK St. Veronica Tiong Baru sedang dalam perancangan untuk membina sebuah groto Bonda Maria yang dianggar memerlukan dana sebanyak RM 15,000.00. Pemberian derma tersebut adalah sangat berharga bagi beliau dan seluruh umat di KUK St. Veronica. Beliau mengucapkan



jutaan terima kasih dan berharap agar dengan adanya groto dan patung Bonda Maria ini, umat di KUK St. Veronica akan lebih taat berdoa, komited didalam pelayanan dan membangun didalam iman. Beliau juga berharap agar komuniti pendoa seperti Legion of Mary akan dapat ditubuhkan di gereja St. Veronica pada masa hadapan.

Julius Maran ketika ditemui berkata, setiap umat yang mempunyai sedikit kelibahan dari segi kewangan adalah dialu-alukan untuk turut sama memberi derma kepada mana-mana gereja di kawasan KUK mengikut kemampuan. Ini kerana, umat adalah umpama anggota keluarga yang saling memberi sokongan dan bantuan di antara satu sama lain. Groto yang

bakal dibina adalah untuk pembangunan iman umat dan pemberian derma adalah salah satu jalan membantu umat untuk bertumbuh di dalam iman.

Fr. Benedict selaku paderi paroki berharap dengan adanya groto yang bakal dibina ini, umat dapat menggunakan sepenuhnya groto tersebut untuk berdoa dan bukannya sebagai hiasan kawasan gereja semata-mata. Ini kerana terdapat groto yang selama ini hanya menjadi satu mercu tanda sesebuah gereja dan tidak diguna untuk berdoa. Namun demikian, umat harus mulai belajar berdoa dengan taat mulai dari sekarang dan bukannya menunggu sehingga groto siap dibina, katanya lagi.

Patung Bonda Maria tersebut akan melalui 45 minit perjalanan melalui jalan raya tidak berturap menuju destinasi KUK St. Veronica Tiong Baru yang terletak kira-kira 30KM dari gereja pusat.